

Mahathir yakin bangsa Malaysia di bawah satu parti tercapai

UM 8 JUL 2001

KUALA LUMPUR 7 Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin usaha Barisan Nasional (BN) untuk membentuk bangsa Malaysia di bawah satu parti mewakili pelbagai kaum akan tercapai walaupun ia akan memakan masa yang panjang.

Pengerusi BN itu berkata, proses membentuk bangsa Malaysia di bawah satu parti itu adalah satu proses yang sukar dan perlu dilakukan secara perlahan-lahan tanpa sebarang paksaan ke atas mana-mana pihak.

"Ia adalah proses evolusi dan bergantung kepada ahli-ahli parti apa perasaan mereka terhadap ahli-ahli yang lain. Kita tidak boleh paksa mereka menerimanya.

"Kita percaya kepada proses secara berperingkat-peringkat, bukan secara revolusi dan memaksa orang menerima perkara yang mereka belum sedia terima," katanya pada sidang akhbar selepas Konvensyen BN di PWTC hari ini.

Ditanya sama ada parti-parti komponen ada menjalankan rundingan bagi mencapai matlamat tersebut, Perdana Menteri berkata, rundingan tidak menjadi masalah kerana BN telah memupuk semangat cinta kepada negara sebagai satu bangsa sejak dahulu lagi.

Mengenai tempoh yang mungkin diambil untuk merealisasikan usaha itu, Dr. Mahathir berkata, ia

mungkin memerlukan selama 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun atau mungkin juga 100 tahun.

"Tetapi masa itu, saya pun sudah tiada. Orang lainlah buat. Mana boleh saya bagi jaminan untuk generasi lain," jelasnya.

Bagaimanapun katanya, semangat ke arah mewujudkan bangsa Malaysia semakin jelas dapat dilihat sekarang ini berbanding sewaktu beliau mula-mula membangkitkannya dalam Konvensyen BN pada tahun 1995 lalu.

"Tahun 1995 saya sebut tapi tidak nampak jelas. Kali ini nampak lebih ramai tunjuk semangat bangsa Malaysia. Walaupun daripada pelbagai kaum tapi komitmen untuk membentuk bangsa Malaysia cukup kuat," katanya.

Dr. Mahathir berkata, keadaan itu jelas berbeza dengan parti pembangkang yang tidak langsung menunjukkan komitmen untuk membentuk bangsa Malaysia, sebaliknya lebih mudah meminta bantuan daripada orang asing ketika menghadapi masalah.

Mengenai Konvensyen BN hari ini, beliau yakin BN masih kuat dan kukuh dalam hati setiap pemimpin dan ahli BN sekali gus meyakinkan beliau bahawa BN akan terus maju dan menguasai kerajaan Malaysia pada masa depan.

Katanya, semangat BN dan per-

paduan yang ditunjukkan dalam konvensyen itu cukup jelas dan perlu diperkukuhkan dengan menggerakkan jentera di semua peringkat terutama di bahagian dan cawangan.

Beliau juga memberitahu, BN akan menubuhkan sekretariat yang lebih cergas dan bertindak sebagai pusat untuk memudahkan maklumat mengenai BN disalurkan.

Mengulas mengenai kegiatan pelampau agama militan terhadap kerajaan dan rakyat negara ini, Dr. Mahathir berkata, masalah itu boleh ditangani jika semua rakyat memahami masalah ini dan melawan puak-puak tersebut.

"Pelampau agama bermakna mereka tidak berpegang kepada agama tetapi sebaliknya mereka mencipta kefahaman mereka sendiri, membuat tafsiran sendiri yang berbeza dengan ajaran agama. Agama Islam tidak menyuruh kita menjadi pelampau," katanya.

Berhubung spekulasi bahawa Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman akan dilantik sebagai Menteri Kewangan, Dr. Mahathir dengan sinis berkata: "Itu dia boleh buat spekulasi, tunggu sahaja dan lihat sama ada semua spekulasi ini berbaloi atau tidak."